# SOALAN BERKAITAN

## PINDAAN ANGGARAN CUKAI (CP204) PADA BULAN KETIGA ANSURAN DALAM TAHUN 2020

## DAN

## PENANGGUHAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI BAGI SYARIKAT BERKAITAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

## DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI (PRE) 2020

### A. PINDAAN ANGGARAN CUKAI PADA BULAN KETIGA ANSURAN DALAM TAHUN 2020

| Bil | Soalan | Jawapan |
|---|---|---|
| 1. | Apakah industri yang layak memohon pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020? | Semua industri layak memohon pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun 2020. |
| 2. | Adakah pindaan ini akan diberi khusus untuk Tahun Taksiran 2020 sahaja? | Tidak. Syarikat boleh membuat pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran sekiranya bulan ke-3 ansuran tersebut jatuh dalam tahun kalendar 2020. |
| 3. | Sekiranya pembayar cukai telah melewati pindaan pada bulan ke-3 ansuran, adakah pembayar cukai masih layak untuk membuat permohonan pindaan dalam bulan ke-4 atau ke-5? | Tidak layak. Walau bagaimanapun, pindaan boleh dibuat pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas melalui e-CP204A. |
| 4. | Adakah pindaan pada bulan ke-3 merujuk kepada bulan ke-3 ansuran atau bulan ke-3 tempoh asas? | Pindaan pada bulan ke-3 adalah merujuk kepada bulan ke-3 ansuran dan bukannya bulan ke-3 tempoh asas. |
| 5. | Adakah pindaan CP204 ini tertakluk pada syarat bahawa pindaan yang dibuat hendaklah tidak kurang daripada 85% dari anggaran terpinda / asal tahun taksiran sebelum? | Tidak. |

<table>
<tr><td>6.</td><td>Pembayar cukai telah membuat pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas. LHDNM mendapati terdapat perbezaan melebihi 30% di antara cukai kena dibayar dan anggaran cukai dipinda. Adakah kenaikan cukai 10% di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 akan dikenakan?</td><td>Ya. Kenaikan cukai 10% bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 akan dikenakan berdasarkan perbandingan perbezaan melebihi 30% di antara cukai kena dibayar dengan anggaran cukai yang terkini.</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>Adakah permohonan pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020 perlu menunggu kelulusan dari LHDNM?</td><td>Tidak perlu sekiranya permohonan adalah lengkap dan teratur serta memenuhi syarat bagi permohonan pindaan tersebut.</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>Bilakah tarikh akhir pengemukaan pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020?</td><td>Tarikh akhir pengemukaan pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020 ditentukan berdasarkan tempoh asas syarikat.<br><br>Contoh:
<table>
<tr><th>Tempoh Asas</th><th>Bulan ketiga ansuran dalam tahun 2020</th><th>Tarikh akhir pengemukaan borang pindaan</th><th>Tarikh kuatkuasa pindaan</th></tr>
<tr><td>1/1/2020-31/12/2020</td><td>April 2020</td><td>31 Mei 2020<br>(lanjutan masa)</td><td>15 April 2020<br>(lanjutan masa)</td></tr>
<tr><td>1/8/2020-31/07/2021</td><td>November 2020</td><td>30 November 2020</td><td>*Rujuk nota</td></tr>
</table>
* Nota: Tarikh kuatkuasa pindaan adalah pada 15 November 2020 sekiranya borang permohonan dikemukakan sebelum 15 November 2020. Sekiranya borang dikemukakan selepas 15 November 2020, tarikh kuatkuasa pindaan adalah pada 15 Disember 2020.</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>Adakah pembayar cukai yang telah mendapat penangguhan bayaran CP204 secara automatik masih layak untuk membuat pindaan pada bulan ke-3 ansuran yang jatuh dalam tahun 2020?</td><td>Ya.</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>Adakah permohonan boleh dibuat secara atas talian atau secara manual?</td><td>Permohonan perlu dibuat secara manual dengan menggunakan borang permohonan yang boleh</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | dimuat turun di Portal Hasil LHDNM seperti berikut:<br>*www.hasil.gov.my > Borang > Muat turun Borang > Lain-lain Borang > Borang Permohonan Pindaan Anggaran Cukai Pada Bulan Ke-3 Ansuran Dalam Tahun 2020.* |
| 11. | Bagaimanakah cara untuk mengemukakan permohonan ini? | Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan secara e-mel ke alamat emel seperti berikut:<br>**norshazreen@hasil.gov.my**<br>**zukhaiza@hasil.gov.my**<br>atau melalui pos ke alamat seperti di bawah:<br>**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**<br>**Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat Percukaian**<br>**Jabatan Operasi Cukai**<br>**Menara Hasil Bangi, Aras 7**<br>**No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9**<br>**43650 Bandar Baru Bangi**<br>**Selangor Darul Ehsan.** |
| 12. | Adakah dokumen sokongan diperlukan untuk membuat permohonan bagi pindaan pada bulan ke-3 ansuran ini? Jika perlu, sila nyatakan. | Tidak. Dokumen sokongan tidak diperlukan bagi tujuan permohonan ini. |
| 13. | Perlukah Bahagian Akuan diisi sekiranya pembayar cukai sendiri yang mengemukakan borang pindaan bulan ke-3 ansuran ini? | Ya. Bahagian Akuan perlu diisi oleh pembayar cukai itu sendiri mengikut maklumat yang berkaitan. |

## B. PENANGGUHAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI BAGI SYARIKAT BERKAITAN INDUSTRI PELANCONGAN DAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>Adakah penangguhan bayaran CP204 layak untuk semua tempoh asas atau terhad kepada tempoh asas yang tamat pada 31 Disember 2020 sahaja?</td><td>Tidak. Penangguhan bayaran CP204 layak untuk semua tempoh asas sekiranya pembayar cukai masih mempunyai bayaran ansuran dalam tempoh penangguhan yang dibenarkan iaitu 1 April 2020 hingga 30 Jun 2020 atau 1 April 2020 hingga 30 September 2020.</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Apakah kod Malaysian Standard Industrial Classification (MSIC) yang layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 bagi pembayar cukai yang berkaitan dengan industri pelancongan?</td><td>Kod MSIC yang layak diberi penangguhan bayaran CP204 bagi pembayar cukai yang berkaitan dengan industri pelancongan ialah seperti berikut:
<table>
<tr><th>No</th><th>Kod Perniagaan</th><th>Aktiviti</th></tr>
<tr><td>1</td><td>51101</td><td>Pengangkutan penumpang melalui udara mengikut laluan dan jadual biasa</td></tr>
<tr><td>2</td><td>51102</td><td>Pengangkutan penumpang tidak berjadual</td></tr>
<tr><td>3</td><td>51103</td><td>Penyewaan peralatan pengangkutan dengan operator untuk tujuan pengangkutan penumpang</td></tr>
<tr><td>4</td><td>55101</td><td>Hotel dan hotel resort</td></tr>
<tr><td>5</td><td>55102</td><td>Motel</td></tr>
<tr><td>6</td><td>55103</td><td>Hotel Apartment</td></tr>
<tr><td>7</td><td>55104</td><td>Chalet</td></tr>
<tr><td>8</td><td>55105</td><td>Rumah rehat/rumah tetamu</td></tr>
<tr><td>9</td><td>55106</td><td>Bed and breakfast unit</td></tr>
<tr><td>10</td><td>55107</td><td>Asrama</td></tr>
<tr><td>11</td><td>55108</td><td>Homestay</td></tr>
<tr><td>12</td><td>55109</td><td>Aktiviti penginapan jangka masa pendek yang lain</td></tr>
<tr><td>13</td><td>55200</td><td>Tapak perkhemahan, taman kenderaan rekreasi dan taman treler</td></tr>
<tr><td>14</td><td>55900</td><td>Penginapan lain</td></tr>
<tr><td>15</td><td>50111</td><td>Operasi rombongan, cruise atau bot persiaran</td></tr>
<tr><td>16</td><td>50112</td><td>Operasi feri, teksi air</td></tr>
<tr><td>17</td><td>50113</td><td>Sewaan bot santai dengan krew bagi pengangkutan laut dan pesisir pantai</td></tr>
<tr><td>18</td><td>79110</td><td>Aktiviti agensi pengembaraan</td></tr>
<tr><td>19</td><td>79120</td><td>Aktiviti operator pelancongan</td></tr>
<tr><td>20</td><td>79900</td><td>Khidmat penempahan lain dan aktiviti berkaitan</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Adakah syarikat di bawah industri pelancongan masih layak untuk mendapat penangguhan bayaran CP204 sekiranya syarikat juga mempunyai perniagaan lain selain industri pelancongan?</td><td>Ya.</td></tr>
</table>

**CONTOH PELAKSANAAN PENANGGUHAN BAYARAN ANGGARAN CUKAI DI BAWAH PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI 2020**

**Senario 1- Syarikat berkaitan Industri Pelancongan (termasuk PKS) - (Penangguhan 6 bulan)**

**Contoh 1:**

Tahun Taksiran 2020

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| Tempoh asas | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – September 2020 (6 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran Selepas Penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | 15.06.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15.07.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15.08.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 4 | 15.09.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 5 | 15.10.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 6 | 15.11.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 7 | 15.12.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 8 | 15.01.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 9 | 15.02.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15.03.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15.04.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 12 | 15.05.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| **Amaun** | | **120,000** | **100,000** |

**TT2020 (Tempoh Asas 01/05/2019 – 30/04/2020)**

1. Syarikat ini layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik selama 2 bulan bermula 15 April 2020 hingga 15 Mei 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

3. Jumlah amaun anggaran cukai adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke 3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal. Tiada jadual baharu akan dikeluarkan.

4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP 1967 adalah berdasarkan amaun pada jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke 3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.

5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah : RM150,000.00 – RM100,000.00 =RM50,000.00. Kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai membuat pembayaran penuh baki cukai ini pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

**TT2021 (Tempoh Asas 01/05/2020 – 30/04/2021)**

Tahun Taksiran 2021

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Tempoh asas | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM60,000.00 |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran selepas penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | 15.06.2020 | 5,000 | ~~5,000~~ |
| 2 | 15.07.2020 | 5,000 | ~~5,000~~ |
| 3 | 15.08.2020 | 5,000 | ~~5,000~~ |
| 4 | 15.09.2020 | 5,000 | ~~5,000~~ |
| 5 | 15.10.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 6 | 15.11.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 7 | 15.12.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 8 | 15.01.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 9 | 15.02.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 10 | 15.03.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 11 | 15.04.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 12 | 15.05.2021 | 5,000 | 5,000 |
| **Amaun** | | **60,000** | **40,000** |

1. Syarikat ini juga layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai selama 4 bulan bermula 15 Jun 2020 hingga 15 September 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai 15 Oktober 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 juga tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

**Contoh 2:**

<u>Tahun Taksiran 2020</u>

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 1/1/2020 – 31/12/2020 |
| Tempoh asas | 1/1/2020 – 31/12/2020 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – September 2020 (6 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran Selepas Penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | 15.02.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15.03.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15.04.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 4 | 15.05.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 5 | 15.06.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 6 | 15.07.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 7 | 15.08.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 8 | 15.09.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 9 | 15.10.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15.11.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15.12.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 12 | 15.01.2021 | 10,000 | 10,000 |
| **Amaun** | | **120,000** | **60,000** |

1. Syarikat ini layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik selama 6 bulan bermula 15 April 2020 hingga 15 September 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai 15 Oktober 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

3. Jumlah amaun anggaran cukai adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal. Tiada jadual baharu akan dikeluarkan.

4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (10) ACP 1967 adalah berdasarkan amaun pada jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.

5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah : RM150,000.00 – RM60,000.00 =RM90,000.00. Kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai membuat pembayaran penuh baki cukai ini pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

**Senario 2- Syarikat PKS (Penangguhan 3 bulan)**

**Contoh 1:**

Tahun Taksiran 2020

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| Tempoh asas | 01/05/2019 – 30/04/2020 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – Jun 2020 (3 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran Selepas Penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | 15.06.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15.07.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15.08.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 4 | 15.09.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 5 | 15.10.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 6 | 15.11.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 7 | 15.12.2019 | 10,000 | 10,000 |
| 8 | 15.01.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 9 | 15.02.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15.03.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15.04.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 12 | 15.05.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| **Amaun** | | **120,000** | **100,000** |

**TT2020 (Tempoh Asas 01/05/2019 – 30/04/2020)**

1. Syarikat ini layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik selama 2 bulan bermula 15 April 2020 hingga 15 Mei 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

3. Jumlah amaun anggaran cukai adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal. Tiada jadual baharu akan dikeluarkan.

4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (10) ACP 1967 adalah berdasarkan amaun pada jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas .

5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah : RM150,000.00 – RM100,000.00 = RM50,000.00. Kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai membuat pembayaran penuh baki cukai ini pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

**TT2021 (Tempoh Asas 01/05/2020 – 30/04/2021)**

Tahun Taksiran 2021

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Tempoh asas | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM60,000.00 |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran selepas penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | 15.06.2020 | 5,000 | ~~5,000~~ |
| 2 | 15.07.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 3 | 15.08.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 4 | 15.09.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 5 | 15.10.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 6 | 15.11.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 7 | 15.12.2020 | 5,000 | 5,000 |
| 8 | 15.01.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 9 | 15.02.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 10 | 15.03.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 11 | 15.04.2021 | 5,000 | 5,000 |
| 12 | 15.05.2021 | 5,000 | 5,000 |
| **Amaun** | | **60,000** | **55,000** |

1. Syarikat ini juga layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik selama 1 bulan pada 15 Jun 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai 15 Julai 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 juga tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

**Contoh 2:**

Tahun Taksiran 2020

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 1/1/2020 – 31/12/2020 |
| Tempoh asas | 1/1/2020 – 31/12/2020 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM120,000.00 |
| Cukai kena dibayar | RM150,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – Jun 2020 (3 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai (RM) | Bayaran Selepas Penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | 15.02.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15.03.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15.04.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 4 | 15.05.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 5 | 15.06.2020 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 6 | 15.07.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 7 | 15.08.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 8 | 15.09.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 9 | 15.10.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 10 | 15.11.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 11 | 15.12.2020 | 10,000 | 10,000 |
| 12 | 15.01.2021 | 10,000 | 10,000 |
| **Amaun** | | **120,000** | **90,000** |

1. Syarikat ini layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik selama 3 bulan bermula 15 April 2020 hingga 15 Jun 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual asal mulai 15 Julai 2020.

2. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

3. Jumlah amaun anggaran cukai adalah kekal seperti jadual asal iaitu RM120,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual asal. Tiada jadual baharu akan dikeluarkan.

4. Pengiraan kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (10) ACP 1967 adalah berdasarkan amaun pada jadual asal iaitu RM120,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-3 ansuran / ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.

5. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah : RM150,000.00 – RM90,000.00 =RM60,000.00. Kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai membuat pembayaran penuh baki cukai ini pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

**Senario 3- Syarikat mengemukakan pindaan CP204 pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020 dan layak mendapat penangguhan bayaran secara automatik**

**Contoh 1:**

Tahun Taksiran 2020

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 01/01/2020 – 31/12/2020 |
| Tempoh asas | 01/01/2020 – 31/12/2020 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM120,000.00 |
| Anggaran cukai dipinda pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020 | RM60,000.00 |
| Cukai kena dibayar | RM70,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | April 2020 – September 2020 (6 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai Asal (RM) | Amaun Anggaran Cukai Selepas Pindaan (RM) | Bayaran Selepas Penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 15.02.2020 | 10,000 | 10,000 | 10,000 |
| 2 | 15.03.2020 | 10,000 | 10,000 | 10,000 |
| 3 | 15.04.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 4 | 15.05.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 5 | 15.06.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 6 | 15.07.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 7 | 15.08.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 8 | 15.09.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 9 | 15.10.2020 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 10 | 15.11.2020 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 11 | 15.12.2020 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 12 | 15.01.2021 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| **Amaun** | | **120,000** | **60,000** | **36,000** |

1. Syarikat telah membuat pindaan anggaran cukai pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020 kepada RM60,000 pada 31 Mei 2020 (lanjutan masa PKP). Tarikh kuatkuasa bagi pindaan tersebut ialah pada 15 April 2020. Jadual bayaran baharu (CP205) akan dikeluarkan kepada syarikat sebagai pemakluman.

2. Syarikat ini juga layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik selama 6 bulan bermula 15 April 2020 hingga 15 September 2020. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual baharu mulai 15 Oktober 2020.

3. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

4. Jumlah amaun anggaran cukai terkini adalah seperti di jadual baharu iaitu RM60,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual baharu ini.

5. Pengiraan kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (10) ACP 1967 juga adalah berdasarkan amaun pada jadual baharu iaitu RM60,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.

6. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah : RM70,000.00 – RM36,000.00 =RM34,000.00. Kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai membuat pembayaran penuh baki cukai ini pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.

**Contoh 2:**

Tahun Taksiran 2021

| | |
|---|---|
| Tempoh perakaunan | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Tempoh asas | 01/05/2020 – 30/04/2021 |
| Anggaran cukai (CP 204) asal | RM120,000.00 |
| Anggaran cukai dipinda pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020 | RM60,000.00 |
| Cukai kena dibayar | RM70,000.00 |
| Bulan penangguhan bayaran CP204 | Jun 2020 – September 2020 (4 bulan) |

| Bilangan Ansuran | Tarikh akhir bayaran | Amaun Anggaran Cukai Asal (RM) | Amaun Anggaran Cukai Selepas Pindaan (RM) | Bayaran Selepas Penangguhan (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | 15.06.2020 | 10,000 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 2 | 15.07.2020 | 10,000 | 10,000 | ~~10,000~~ |
| 3 | 15.08.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 4 | 15.09.2020 | 10,000 | 4,000 | ~~4,000~~ |
| 5 | 15.10.2020 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 6 | 15.11.2020 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 7 | 15.12.2020 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 8 | 15.01.2021 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 9 | 15.02.2021 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 10 | 15.03.2021 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 11 | 15.04.2021 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| 12 | 15.05.2021 | 10,000 | 4,000 | 4,000 |
| **Amaun** | | **120,000** | **60,000** | **32,000** |

1. Syarikat layak untuk mendapat penangguhan bayaran anggaran cukai secara automatik selama 4 bulan bermula 15 Jun 2020 hingga 15 September 2020.

2. Syarikat juga telah membuat pindaan anggaran cukai pada bulan ke-3 ansuran dalam tahun 2020 kepada RM60,000 sebelum 15 Ogos 2020. Tarikh kuatkuasa bagi pindaan tersebut ialah pada 15 Ogos 2020. Oleh itu, penangguhan bayaran anggaran cukai mulai 15 Ogos 2020 adalah berdasarkan amaun anggaran cukai yang dipinda.

3. Jadual bayaran baharu (CP205) akan dikeluarkan kepada syarikat sebagai pemakluman. Syarikat hanya perlu meneruskan bayaran seperti biasa berdasarkan jadual baharu ini mulai 15 Oktober 2020.

4. Kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (9) ACP 1967 tidak akan dikenakan bagi ansuran yang tidak dibayar dalam tempoh penangguhan ini.

5. Jumlah amaun anggaran cukai terkini adalah seperti di jadual baharu iaitu RM60,000.00. Oleh itu, sebarang pindaan pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas hendaklah berdasarkan amaun di jadual baharu ini.

6. Pengiraan kenaikan cukai di bawah seksyen 107C (10) ACP 1967 juga adalah berdasarkan amaun pada jadual baharu iaitu RM60,000.00 sekiranya tiada pindaan dibuat pada bulan ke-6 dan / atau ke-9 tempoh asas.

7. Baki cukai yang kena dibayar pada tarikh akhir pengemukaan BNCP ialah : RM70,000.00 – RM32,000.00 =RM38,000.00. Kenaikan cukai di bawah Seksyen 103 ACP 1967 tidak akan dikenakan sekiranya pembayar cukai membuat pembayaran penuh baki cukai ini pada atau sebelum tarikh akhir pengemukaan BNCP tersebut.